

04 SEP 1997

MIA: DANA SOKONGAN SAHAM RM60 BLN PERLU MASA UNTUK DILAKSANA

Oleh: D.Sundaraja

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Masa diperlukan untuk memperolehi wang dan melaksanakan pembelian saham-saham untuk meningkatkan pasaran saham tempatan, presiden Persatuan Pelabur Malaysia Dr P.H.S. Lim berkata hari ini.

Ketika diminta mengulas mengenai kesan cadangan kerajaan bagi memperuntukkan RM60 bilion untuk membeli saham-saham daripada syarikat-syarikat tempatan pada premium, beliau berpendapat bahawa kerajaan akan memerlukan masa untuk berbincang dan memutuskan bagaimana untuk melaksanakan rancangan itu.

Katanya ini adalah sebab tidak terdapt kesan serta-merta ke atas pasaran saham.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan samalam dana sokongan RM60 bilion untuk membeli saham-saham syarikat tempatan, berkata walaupun harga saham yang rendah, syarikat-syarikat yang disebut harga di Bursa Saham Kuala Lumpur pada asasnya adalah kukuh.

Daripada jumlah keseluruhan itu, RM30 bilion akan diperolehi daripada Khazanah Nasional Bhd dan selebihnya daripada dana-dana kawalan kerajaan lain dan pengurus-pengurus dana swasta.

Katanya dana itu akan membeli saham-saham daripada para pelabur yang menghadapi kesulitan kewangan dan perlu menjual untuk mendapat semula margin.

Dr Lim berkata sokongan RM60 bilion itu harus membantu menyekat broker-broker saham daripada menjalankan penjualan paksaan dengan sewenang-wenang saham yang dipegang oleh pemegang akaun margin dan menyekat kejatuhan berterusan di dalam harga saham.

Tanda aras BSKL Indeks Komposit, yang mencecah paras terbaru paling rendah dalam tempoh setahun pada 675.15 pada sebelah petang, memperolehi semula kebanyakan kerugiannya untuk ditutup 19.64 mata lebih rendah daripada semalam kepada 731.12.

Mereka akan membeli saham-saham tersebut pada premium daripada pelabur tempatan tetapi pada harga pasaran daripada pelabur asing.

Khazanah, cabang pelaburan kerajaan, akan menerbitkan bon untuk memperolehi jumlah yang diperlukan itu.

Dr Lim turut menganggarkan bahawa terdapat kurang daripada lima peratus daripada dana asing di pasaran saham tempatan.

Penjualan berhabisan oleh dana-dana asing seharusnya selesai tidak lama lagi dan harga di pasaran tempatan akan menjadi amat menarik, tambahnya.

Katanya nisbah perolehan harga BSKL sebanyak 13 kali dianggap amat murah apabila dibandingkan dengan harga di pasaran-pasaran Hong Kong dan Amerika. -- BERNAMA

DSR OS MA